

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI KETIKA
MEMBENTANGKAN USUL BAGI MEMINDA PARLIMEN
(MEMBERS' REMUNERATION) ACT, 1960
PADA BULAN JUN 1967**

Tuan Yang Di-Pertua,

Tujuan usul ini ialah untuk hendak membenarkan bayaran elaun perjalanan sebanyak \$150.00 sebulan kepada Ahli-ahli Parlimen, kecuali Menteri-menteri, Menteri-menteri Muda, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Setiausaha-setiausaha Politik, bagi menggantikan pas-pas keretapi yang diberi kepada mereka itu. Tujuan memberi pas-pas keretapi; ada 2 pas - 1 kepada Ahli Yang Berhormat dan 1 kepada isteri atau orang yang berjalan di bawah arahan Ahli Yang Berhormat, ialah supaya membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Parlimen menjalankan tugas-tugas mereka itu sebagai Ahli Parlimen.

Akan tetapi saya dapati bahawa Ahli-ahli Parlimen tidak begitu menggunakan pas-pas ini dan kebanyakan urusan-urusan sebagai Ahli Parlimen seperti menghadiri mesyuarat Pembangunan Luar Bandar dan majlis pembukaan rancangan-rancangan adalah dilaksanakan dengan menggunakan kenderaan, terutamanya motokar. Pada masa ini Ahli-ahli Parlimen tidak dibayar perbelanjaan akan perjalanan itu kerana Undang-undang Parlimen (Members' Remuneration) Act, 1960 hanya membolehkan Ahli-ahli Parlimen menuntut perbelanjaan kerana menghadiri mesyuarat Parlimen.

Oleh hal yang demikian adalah difikirkan munasabah jika pas-pas keretapi ini digantikan dengan elaun perjalanan sebanyak \$150/-sebulan. Adalah didapati bahawa perbelanjaan bagi kedua-duanya - pas keretapi dan perbelanjaan yang akan dikenakan bagi bayaran elaun perjalanan \$150/- sebulan itu tidaklah begitu banyak bezanya. Jumlah elaun perjalanan yang akan dibayar ialah \$320,000 setahun dan 'saving' kerana menarik balik pas keretapi \$240,000. Tambahan hanya sebanyak \$80,000 setahun.

Elaun perjalanan tidaklah dibayar kepada Menteri-menteri, Menteri-menteri Muda, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen yang dilantik sebagai Setiausaha Parlimen. Oleh kerana itu mereka terus berhak mendapat 2 pas keretapi. Akan tetapi penggunaan pas keretapi ini adalah dihadkan bagi kegunaannya sendiri dan isterinya ataupun seseorang yang mengiringi Menteri atau Menteri Muda itu. Pas ini tidak boleh digunakan untuk seseorang

yang berjalan di bawah kebenaran Ahli Yang Berhormat seperti yang ada pada hari ini.

Berkenaan dengan soal perjalanan laut ataupun udara tidaklah ada pindaan.

Saya dengan sukacitanya mengemukakan usul ini.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat tuduhan bahawa ada sebahagian kecil pegawai-pegawai kerajaan yang tidak menyesuaikan diri dengan keadaan negara kita yang merdeka ini.

Saya suka menerangkan bahawa pegawai-pegawai perkhidmatan am kita telah menjalankan tugas-tugas mereka itu dengan sangat memuaskan hati seperti yang saya selalu sebutkan dalam 10 tahun kita mencapai Kemerdekaan. Sungguhpun demikian kita sedang mengambil langkah-langkah untuk hendak memperbaiki lagi kedudukan perkhidmatan am kita. Oleh itu jikalau ada satu atau dua orang pegawai yang tidak menjalankan tugasnya dengan memuaskan hati, janganlah dibabitkan semua perkhidmatan am. Saya harap jika ada perkara-perkara yang tidak diinginkan dilakukan oleh mana-mana pihak pegawai Kerajaan, saya harap dapat diberitahu kepada saya supaya kerajaan dapat mengambil tindakan.

Lawatan yang dibuat oleh pelancong-pelancong dan pembesar-pembesar negeri ke Masjid Negara: Ini satu perkara yang patut kita megahkan kerana masjid yang terbesar sekali adalah menunjukkan bahawa Kerajaan Perikatan sebenar-benarnya menjalankan usaha bagi meninggikan taraf mutu agama Islam kita yang maha suci.

Cadangan Jawapan untuk menjawab ucapan Y.B. Dato' Asri (Pasir Puteh)

Tuan Yang Di-Pertua, Ahli yang terhormat dari Pasir Puteh telah bercakap seperti biasa dengan panjang lebar tetapi agak luar biasa sedikit kerana ucapannya kali ini penuh sesak dengan perasaan. Ahli Yang Berhormat itu kali ini sangat emosional dan biasanya seseorang yang dalam keadaan begitu lupa pada kenyataan atau realiti.

Dalam ucapannya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah mendakwa bahawa kerjasama antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Pas Negeri Kelantan yang dipimpinnya adalah baik. Tetapi dalam nafas yang lain pula Ahli Yang Berhormat ini telah menuduh Kerajaan Pusat tidak bekerjasama dan mengakui pula Kerajaannya tidak bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dalam masalah pelajaran Kelas Dewasa.

Apa sebenarnya berlaku ialah Kerajaan Kelantan di bawah pentadbiran Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ini telah tidak bekerjasama dengan Kerajaan Pusat sungguhpun telah dibuat perjanjian di antara saya dengannya yang Kerajaan Pusat dan

Kerajaan Kelantan akan bekerjasama untuk menjayakan Rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar di negeri Kelantan.

Selain daripada kelas-kelas Dewasa dan sungguhpun perundingan-perundingan telah dijalankan beberapa tahun yang lepas di antara Kerajaan Kelantan dengan pihak FLDA untuk membolehkan FLDA mengadakan rancangan-rancangan tanah di Kelantan tetapi hingga hari ini Kerajaan Pas telah mencari dalih-dalih untuk mengelakkan kerjasama dengan Lembaga kemajuan Tanah Persekutuan ini, sungguhpun Kerajaan Pas sedar dan Ahli Y.B. ini sendiri insaf yang rakyat Kelantan sangat dahagakan kepada tanah sehingga kebanyakan daripada mereka telah merantau ke negeri Pahang untuk mendapatkan tanah-tanah. Ini adalah kerana tanah-tanah yang subur di negeri Kelantan telahpun diberi kepada pengusaha-pengusaha yang besar dan dagang.

Banyak lagi contoh-contohnya yang Kerajaan Kelantan tidak memberikan kerjasama kepada Kerajaan Pusat. Ahli-ahli Yang Berhormat itu sendiri mengakui yang Kerajaan Kelantan tidak bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dalam masalah Kelas Dewasa. Kerajaan Pas Kelantan tidak sama sekali memberikan kerjasamanya sungguhpun kelas-kelas dewasa ini bertujuan hendak memastikan buta huruf di kalangan orang-orang kampung. Kelas-kelas dewasa Agama Islam juga kita hendak adakan tetapi telah tidak dapat kerjasama Kerajaan Pas dan perbuatan ini adalah semata-mata kerana sentimen politik kalau tidak kerana politik kenapa kerjasama tidak boleh diberikan. Dalam perjanjian saya dengan Kerajaan lebih setahun yang lalu telah dipersetujui bahawa semua rancangan-rancangan di bawah Kementerian Luar Bandar yang diadakan di Kelantan Kerajaan Kelantan telah mengakui yang ia akan memberitahu rakyat yang rancangan-rancangan ini adalah hasil daripada wang yang datangnya dan Kerajaan Pusat, tetapi ini telah tidak ditunaikan oleh Kerajaan Pas Negeri Kelantan atas desakan partinya. Percubaan-percubaan telah dibuat oleh Kerajaan Pas untuk menahan pembinaan-pembinaan masjid-masjid di setengah-setengah tempat sungguhpun mereka berjanji perkara ini tidak akan dilakukan. Percubaan mengubah tempat-tempat pembinaan masjid-masjid telah juga dibuat. Perbelanjaan masjid yang telah diluluskan untuk kawasan yang telah cuba hendak dipindahkan ke kampung-kampung di mana diketahui banyak penyokong-penyokong Pas.

(Contoh: dari Pasir Tumbuh ke Bachok - tetapi telah ditahan oleh Kementerian saya).

Perbuatan-perbuatan ini tidak menjaminkan kerjasama yang baik dan itulah sebabnya sekarang saya terpaksa mengubah dasar. Tetapi saya bersyukur kepada Tuhan dan menjunjung kasih kepada D.Y.M.M. Sultan Kelantan¹ kerana baginda telah bersetuju bagi

mengelakkan perkara-perkara yang tidak baik ini supaya rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar di Kelantan, iaitu pembinaan sekolah-sekolah agama, masjid-masjid, surau-surau dan madrasah-madrasah dari pemberian wang Kerajaan Pusat akan disalurkan melalui Majlis Agama Islam dan Adat Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Hakikat ini dan persetujuan D.Y.M.M. Sultan Kelantan untuk menerima saluran bantuan pembinaan masjid-masjid dan sekolah-sekolah agama negeri Kelantan melalui Majlis Agama Islam *membuktikan* dengan jelasnya bahawa Kerajaan Kelantan telah gagal bekerjasama dengan Kerajaan Pusat, kalau tidak takkanlah pula, D.Y.M.M. Sultan Kelantan akan bersetuju saluran yang baru ini kalau sebenar-benarnya D.Y.M.M. Sultan yakin yang Kerajaan negeri memberikan kerjasama penuh mengenai rancangan-rancangan Pembangunan kepada Kerajaan Pusat. Satu contoh lagi ialah pemimpin-pemimpin tinggi Pas dalam Kerajaan Pas telah mengugut Guru-guru Agama Pondok dengan beberapa cara-cara - hendak meyeruh anak-anak murid-muridnya lari, dan cara-cara kotor yang lain jika setengah Guru-guru Pondok dan imam berani menerima bantuan-bantuan dari Kerajaan Pusat.

Ada Tok-tok Guru Pondok yang sanggup menerima bantuan tetapi terpaksa menarik balik kerana ugutan itu. Seorang Imam yang telah bersetuju menerima bantuan dari Kerajaan Pusat telah diganggu oleh Pemimpin Pas tetapi Imam yang telah sedar ini sangat berani dan tidak pedulikan.

Inilah setengah-setengahnya cara kotor Pas untuk mengagalkan usaha-usaha Kerajaan Pusat yang ia telahpun persetujuan! Mereka menahan kehendak-kehendak rakyat kerana kepentingan-kepentingan politik yang sempit.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah juga menuduh Kerajaan Pusat telah 'membekukan' rancangan jalanraya dari Pantai Barat ke Pantai Timur atau jalanraya yang lebih terkenal dengan nama East and West Highway, ini tidaklah benar kerana Kerajaan tidak membekukan rancangan itu. Yang sebenarnya rancangan itu masih ada tetapi pelaksanaannya tidak dapat dijalankan kerana Kerajaan Pusat sedang mencari wang untuk menjalankan projek ini.

Tetapi saya sukacita hendak mengembalikan ingatan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Kelantan telah menggadaikan hampir 400,00 ekar tanah yang paling subur yang paling kaya dan yang paling baik sekali di negeri Kelantan kepada sebuah syarikat cina asing iaitu Syarikat Timbermine Corporation, dan sebuah syarikat 'private'. Kerajaan Pas telah berbuat demikian semasa rakyat Kelantan laparkan tanah. Tetapi Kerajaan Kelantan di bawah pimpinan Ahli Yang Berhormat ini telah menggadaikan tanah-tanah

yang subur ini di Jajahan Ulu Kelantan di mana rancangan East-West Highway ini dijangkakan akan dibina!

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah menyatakan bahawa keengganan Kerajaan Pusat untuk memberi persetujuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk berhutang wang kepada bank-bank tempatan bagi menolong Kerajaan itu menghadapi kesulitan kewangan mungkin akan melibatkan krisis Perlembagaan yang baharu di antara Kerajaan Kelantan dengan Kerajaan Pusat. Ahli Yang Berhormat itu telah mengingatkan bahawa Kerajaan Kelantan masih mendakwa Kerajaan Pusat kerana pembentukan Malaysia. Ahli Yang Berhormat ini seolah-olahnya memberi amaran yang Kerajaan Kelantan akan mendakwa Kerajaan Pusat mengenai keengganan ini. Keengganan Kerajaan Pusat memberi jaminan kepada bank-bank bukanlah kerana sentimen politik seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu, kalaulah betul kerana sentimen-sentimen politik takkanlah pula Kerajaan Pusat telah dua kali bersetuju memberi jarrlinan itu pada masa-masa yang sudah. Pada masa itu, dengan pertolongan Kerajaan Pusat, saya berharap Kerajaan Negeri Kelantan akan membaiki pentadbirannya dan pemimpin-pemimpinnya akan bersikap bertanggungjawab dan mencari usaha-usaha untuk mengatasi kesulitan kewangan ini. Tetapi nampaknya, harapan itu salah. Oleh kerana mereka telah mentadbirkan Negeri Kelantan dengan kurang tanggungjawab dan kurang cermat maka Kerajaan Pusat tidak mahu lagi menjaminkan Kerajaan Negeri Kelantan berhutang wang daripada bank-bank tempatan.

Saya berharap Kerajaan Pas akan menggunakan segala kebijaksanaannya untuk membetulkan pentadbiran negerinya supaya Kelantan tidak sentiasa menempuhi kesulitan-kesulitan wang; kesulitan yang sedang ditempuhinya sekarang ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah merayu supaya kerjasama di antara Kerajaan Kelantan dengan Kerajaan Pusat akan dapat dipulihkan semula. Rayuan bagi pemulihan ini memberi dalil yang Kerajaan Pusat telahpun dan sentiasa memberikan kerjasamanya kepada Kerajaan Negeri Kelantan, barangkali, hanya akhir-akhir ini Kerajaan Pusat enggan sedikit, itupun adalah kerana yang *memulakan memburuk-burukkan kerjasama* di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri ialah Kerajaan Pas Kelantan sendiri disebabkan takut ataupun kerana tamak kepada faedah-faedah politik dan sebab itu segala usaha mesti dijalankan untuk mematahkan kerja-kerja dan usaha-usaha Kementerian Luar Bandar untuk mendirikan masjid-masjid, surau-surau, pondok-pondok dan madrasah-madrasah di negeri Kelantan. Kerajaan Pas takut kepada Kelas Dewasa dan pembinaan-pembinaan masjid-masjid akan merosakkan pengaruhnya.

Inilah sebenarnya sebab mereka tidak mahu kerjasama dengan Kerajaan Pusat.

Dengan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Kerajaan Kelantan sekarang ini maka saya berharaplah rakyat negeri Kelantan akan sedar yang kesulitan-kesulitan ini adalah akibat permainan politik Pas yang sempit dan buas yang tidak bertanggungjawab itu sendiri dan kerana kurang pengalaman Kerajaan Pas menjalankan urusan-urusan pemerintahan dan pentadbiran.

Kerajaan Pusat sedia bekerjasama dengan syarat orang yang hendak ditolong dan bekerjasama itu hendak menunjukkan sikap yang ikhlas dan jujur. Kita telahpun menolong dan menghulurkan tangan persahabatan kita kepada Kerajaan Pas tetapi Kerajaan Pas tidak memberi kerjasamanya dan tangan persahabatan itu telahpun digigit. Kita tidak mahu tangan kita digigit dua kali.